

Headline	FBM KLCI naik 12.96 mata		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	06 May 2020	Readership	246,756
Circulation	82,252	Page No	32
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	459 cm ²		
PR Value	RM 45,772		



FBM KLCI naik 12.96 mata

Langkah BNM kurangkan OPR lonjak sedikit pasaran

Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia naik 0.94 peratus ketika mengakhiri dagangan semalam selepas Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan kadar dasar semalamnya (OPR) sebanyak 50 mata asas kepada 2.0 peratus; langkah yang menepati jangkaan pasaran.

Pada penutupan, indeks utama, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) naik 12.96 mata kepada 1,389.55, setelah bergerak antara 1,378.75 hingga 1,398.07 sepanjang dagangan.

Indeks itu dibuka 2.16 mata lebih tinggi kepada 1,378.75.

Lingkungan pasaran adalah positif apabila kaunter untung mengatasi rugi sebanyak 774 berbanding 162, sementara 339 kaunter tidak berubah, 601 kaunter tidak diniagakan dan 17 yang lain digantung.

Jumlah dagangan menambah kepada 5.76 bilion unit bernalnilai RM2.70 bilion daripada 5.47 bilion unit bernalnilai RM2.48 bilion pada Isnin.

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari kali ketiga bagi



Bursa Malaysia naik 12.96 mata kepada 1,389.55.

(Foto Hiasan)

2020 semalam, memutuskan pengurangan OPR kepada 2 peratus; pars terendah dalam tempoh 10 tahun sejak Februari 2010.

Seperti dengan itu, kadar siling dan lantai bagi koridor OPR masing-masing diturunkan kepada 2.25 peratus dan 1.75 peratus.

Penganalisis Kanan Pasaran Asia-Pasifik, Oanda, Jeffrey Halley, berkata pengurangan OPR memang dijangka kebanyakan pengulas pasaran dengan angka yang kurang daripada itu dianggap sebagai negatif oleh pasaran.

"FBM KLCI meningkat, didorong langkah BNM itu sebagai melaksanakan peranannya untuk

membantu pemuliharaan negara.

"Ini susulan pakej rangan-sangan fiskal yang besar oleh kerajaan dan kelonggaran langkah kawalan pergerakan semalam," katanya.

Dalam kalangan saham berwajaran tinggi, Maybank dan Petronas Chemicals masing-masing melonjak 10 sen kepada

RM7.48 dan RM5.50, **TNB meningkat 26 sen kepada RM12.38**, Public Bank menambah 20 sen kepada RM16.06, IHH Healthcare naik tiga sen kepada RM5.18, sementara Maxis dan MISC masing-masing tidak berubah pada RM5.28 dan RM7.80.

Bagi saham aktif, Ageson naik dua sen kepada 18 sen, Velesto dan Bumi Armada masing-masing menaik 1.5 sen kepada 16 sen dan 18 sen, sementara Fintech Global menambah satu sen kepada lima sen, Hibiscus Petroleum meningkat tiga sen kepada 52 sen dan Ekovest naik 2.5 sen kepada 53 sen.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas mengukuh 107.33 mata kepada 9,746.20, Indeks FBMT 100 meningkat 96.55 mata kepada 9,603.83, Indeks FBM Emas Syariah menambah 122.36 mata kepada 10,842.61, FBM ACE menaik 132.89 mata kepada 4,909.88 manakala FBM 70 melonjak

147.04 mata kepada 11,786.51.

Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan meningkat 124.69 mata kepada 12,354.10, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian naik 2.04 mata kepada 120.32, sementara Indeks Perladangan menambah 28.05 mata kepada 6,251.76.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama meningkat kepada 4.12 bilion saham bernalnilai RM2.34 bilion daripada 3.37 bilion saham bernalnilai RM2.08 bilion pada Isnin.

Jumlah dagangan waran merosot kepada 276.86 juta unit bernalnilai RM47.54 juta daripada 349.72 juta unit bernalnilai RM77.41 juta semalam.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE susut kepada 1.36 bilion saham bernalnilai RM315.07 juta daripada 1.75 bilion saham bernalnilai RM316.89 juta semalam.

Barangan dan perkhidmatan pengguna menyumbang 519.73 juta saham dinagiakan di Pasaran Utama, barangan dan perkhidmatan perindustrian (502.76 juta), pembinaan (731.72 juta), teknologi (617.09 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (45.30 juta), harta tanah (356.15 juta), perlادangan (554.08 juta), REIT (8.72 juta), dana tertutup (2,000), tenaga (847.76 bilion), penjagaan kesihatan (36.23 juta), telekomunikasi dan media (147.10 juta), pengangkutan dan logistik (234.40 juta) serta utiliti (21.41 juta).

BERNAMA

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Amanah Pelaburan Tanah (REIT) (Amanah Pelaburan Tanah (REIT))	7	0	RM 0
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Bank Negara Malaysia (Bank Negara Malaysia)	5	0	RM 0
Bank Negara-special issue (Bank Negara-special issue)	2	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 2)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM)	1	0	RM 0
Bumi Armada Berhad (Bumi Armada Berhad)	1	0	RM 0
Bursa - CIMB (Bursa - CIMB)	2	0	RM 0
Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia Berhad)	4	0	RM 0
CIMB Group Competitors (Maybank Wholesale Banking)	1	0	RM 0
CIMB Group Competitors (Public Bank Wholesale Banking)	1	0	RM 0
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News -	2	0	RM 0
Hibiscus Petroleum Berhad (Hibiscus Petroleum - Bumi Armada)	1	0	RM 0
Hibiscus Petroleum Berhad (Hibiscus Petroleum)	1	0	RM 0
KIP Group (KIP Group)	1	0	RM 0
Malayan Banking Berhad (Malayan Banking Berhad)	1	0	RM 0
Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC) (Malaysia	1	0	RM 0
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) (MTDC	4	0	RM 0
Maxis Berhad (Maxis Berhad)	1	0	RM 0
PETRONAS Chemicals Group (PCG) (Petronas Chemicals Group	2	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
Public Bank Berhad (Public Bank Berhad)	1	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	2	0	RM 0
Ram Holdings-Industry News (Ram Holdings-Industry News)	1	0	RM 0
Real Estate Investment Trust (Real Estate Investment Trust)	1	0	RM 0
Securities Commission (SC) (Bank Negara Malaysia - SC)	5	0	RM 0
Securities Commission Malaysia (Special Purpose Acquisition	1	0	RM 0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore-Malaysia Relations -	2	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	1	0	RM 0